**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)**

**KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN**

**RINGKASAN EKSEKUTIF**

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK** | **:** | Makluman Cadangan Perubahan Mekanisme Pelaksanaan Program *Mini Team Excellence Innovation Showcase* (MTEx) 2021 Ibu Pejabat dan Pejabat Wilayah MPC. |
| **TARIKH & TEMPAT** | **:** | Tarikh program: 1 Julai 2021 secara atas talian<br>Tadbir urus program: Jun – September 2021 |
| **OBJEKTIF** | **:** | Objektif program:<br>1. Menyediakan ruang dan platform kepada industri untuk mempamerkan projek inovasi yang telah di jalankan di organisasi masing-masing bagi peningkatan produktiviti dan daya saing dalam industri;<br>2. Memberi peluang kepada kumpulan Team Excellence untuk menambahbaik projek inovasi berdasarkan komen panel penilai bagi persediaan ke peringkat RISTEx dan kebangsaan; dan<br>3. Menggalakkan penyertaan kumpulan Team Excellence baharu secara atas talian bagi menggalakkan pembudayaan minda kreatif dan inovasi serta menyebar luas budaya inovasi di kalangan industri. |
| **JUSTIFIKASI** | **:** | Pada tahun ini, MTEx Ibu Pejabat dan Pejabat Wilayah MPC perlu digabungkan ke tarikh yang sama berdasarkan:<br>1. Jumlah penyertaan kumpulan berkurangan kerana kumpulan TE tidak dapat melaksanakan projek dan membuat persiapan secara fizikal berikutan pelaksanaan PKP 3.0 di seluruh negara;<br>2. Memberi masa yang lebih panjang untuk membolehkan kumpulan membuat persiapan bagi meningkatkan jumlah penyertaan;<br>3. Mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada dan menjimatkan kos MPC di mana semua pegawai wilayah yang terlibat bergabung untuk menguruskan satu program sahaja;<br>4. Meningkatkan imej MPC dan lebih ramai peserta dapat |

berkongsi amalan terbaik melalui projek inovasi dalam satu platform.

**PENYERTAAN** :

| Wilayah MPC | Semakan semula anggaran penyertaan kumpulan (Bilangan) |
|---|---|
| Ibu Pejabat | 10 |
| Wilayah Pantai Timur | 10 |
| Wilayah Sabah | 10 |
| Wilayah Sarawak | 10 |
| Wilayah Utara | 12 |
| Wilayah Selatan | 25 |
| **Jumlah Kumpulan** | **77** |

**KOS/ PERUNTUKAN** : Peruntukan Mengurus di bawah Program Khas Konvensyen MTEx Ibu Pejabat dan Pejabat Wilayah MPC masing-masing dengan merujuk kepada kelulusan Kertas cadangan BOM seperti berikut:

| Tarikh Kelulusan BOM | Ibu Pejabat / Pejabat Wilayah | Bil Keratan Minit Kelulusan BOM | Peruntukan dipohon (RM) |
|---|---|---|---|
| 30 Mac 2021 | Wilayah Sarawak | 356/2021 | 5,550.00 |
| 12 April 2021 | Wilayah Pantai Timur | 412/2021 | 5,550.00 |
| 12 April 2021 | Wilayah Utara | 421/2021 | 13,300.00 |
| 26 April 2021 | Wilayah Selatan | 464/2021 | 7,800.00 |
| 4 Mei 2021 | Wilayah Sabah | 486/2021 | 6,111.00 |
| 10 Mei 2021 | Ibu Pejabat MPC | 531/2021 | 7,395.00 |

**BAHAGIAN** : PBP/OED

**KOMEN/ TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN** :

**KOMEN/ TANDATANGAN PENGURUS UNIT PEROLEHAN** :

**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)**

**KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN KELULUSAN LEMBAGA PENGURUSAN**

**TAJUK : MAKLUMAN CADANGAN PERUBAHAN MEKANISME PELAKSANAAN PROGRAM *MINI TEAM EXCELLENCE INNOVATION SHOWCASE* (MTEx) 2021 IBU PEJABAT DAN PEJABAT WILAYAH MPC.**

## 1.0 TUJUAN

**1.1** Kertas ini bertujuan untuk kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi cadangan perubahan mekanisme pelaksanaan Program *Mini Team Excellence Innovation Showcase* (MTEx) 2021 Ibu Pejabat dan Pejabat Wilayah MPC.

## 2.0 LATAR BELAKANG PROGRAM

**2.1** Program MTEx merupakan program TE tahunan anjuran MPC yang menghimpunkan inisiatif projek inovasi yang meliputi kumpulan Inovatif dan Kreatif (ICC), Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S), Pengurusan Lean, Industri 4.0 dan lain-lain program peningkatan produktiviti dan inovasi di peringkat organisasi.

**2.2** Sehubungan dengan itu, setiap sekretariat MTEx Pejabat Wilayah MPC telah mengemukakan permohonan dan mendapat kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi melaksanakan program MTEx di wilayah masing-masing.

**2.3** Bagi menambah jumlah penyertaan, Sekretariat Induk TE 2021 telah melaksanakan tindakan seperti berikut :

- Pada 2 Jun 2021 - perbincangan dengan Timbalan Ketua Pengarah OED telah diadakan untuk mengemukakan cadangan strategi pelaksanaan baru MTEx 2021 bagi memberi peluang kepada ahli kumpulan TE untuk membuat persediaan bagi program MTEx 2021.

- Pada 3 Jun 2021 - Mesyuarat bersama sekretariat MTEx Pejabat Wilayah bagi membincangkan semula strategi pelaksanaan MTEx 2021 dan pelarasan semula sasaran penyertaan bagi setiap wilayah.

- Pada 11 Jun 2021 – makluman kepada Ketua Akauntan MPC untuk memaklumkan perubahan pelaksanaan dan membincangkan berkenaan peruntukan MTEx 2021 yang telah diluluskan.

**3.0 OBJEKTIF PROGRAM**

**3.1** Objektif program adalah seperti berikut:

1) Menyediakan ruang dan platform kepada industri untuk mempamerkan projek inovasi yang telah di jalankan di organisasi masing-masing bagi peningkatan produktiviti dan daya saing dalam industri.
2) Memberi peluang kepada kumpulan Team Excellence untuk menambahbaik projek inovasi berdasarkan komen panel penilai bagi persediaan ke peringkat RISTEx dan kebangsaan.
3) Menggalakkan penyertaan kumpulan Team Excellence baharu secara atas talian bagi menggalakkan pembudayaan minda kreatif dan inovasi serta menyebarluas budaya inovasi di kalangan industri.

**4.0 JUSTIFIKASI**

4.1 Pada tahun ini, MTEx Ibu Pejabat dan Pejabat Wilayah MPC perlu digabungkan ke tarikh yang sama berdasarkan:

a. Jumlah penyertaan kumpulan berkurangan kerana kumpulan TE tidak dapat melaksanakan projek dan membuat persiapan secara fizikal berikutan pelaksanaan PKP 3.0 di seluruh negara;
b. Memberi masa yang lebih panjang untuk membolehkan kumpulan membuat persiapan bagi meningkatkan jumlah penyertaan;
c. Mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada dan menjimatkan kos MPC di mana semua pegawai wilayah yang terlibat bergabung untuk menguruskan satu program sahaja;
d. Meningkatkan imej MPC dan lebih ramai peserta dapat berkongsi amalan terbaik melalui projek inovasi dalam satu platform.

## 5.0 CADANGAN MEKANISME PELAKSANAAN BARU MTEx 2021

5.1 Cadangan strategi baru pelaksanaan MTEx 2021 adalah seperti berikut :

| | |
|---|---|
| Tarikh: | 1 Julai 2021 (Khamis) |
| Masa: | 9.00 pagi hingga 5.00 petang |
| Kaedah: | 1. Secara atas talian melalui platform MS Team<br>2. Dipecahkan beberapa *stream* mengikut wilayah masing-masing<br>3. Setiap wilayah akan membuat tempahan platform masing-masing<br>4. Perasmian akan dilaksanakan oleh Ibu Pejabat MPC dan dipancarkan secara langsung melalui *Youtube VIS Channel* |
| Moderator: | Dilaksanakan oleh Pejabat Wilayah MPC masing-masing |
| Panel Penilai: | 2 orang setiap *stream* |
| Format persembahan: | 1. Durasi persembahan projek ialah 10 minit.<br>2. Peserta boleh membuat persembahan secara langsung di atas talian ATAU menyediakan video persembahan.<br>3. Sesi soal jawab bersama panel penilai selama 10 minit.<br>Aturcara MTEx 2021 adalah seperti di **Lampiran 1**. |

5.1.1 Program akan dilaksanakan secara kolaborasi dan persembahan kumpulan diadakan secara serentak di peringkat Ibu Pejabat dan Pejabat Wilayah MPC.

5.1.2 Pelaksanaan sistem *TE Go Digital* iaitu penggunaan borang atas talian yang melibatkan proses pendaftaran sehingga penjanaan sijil penyertaan MTEx 2021 secara digital juga akan dilaksanakan oleh wilayah masing-masing.

5.1.3 Hasil program MTEx akan diperolehi oleh wilayah masing-masing berdasarkan pendaftaran peserta dalam system *TE Go Digital.*

5.1.4 Kos operasi akan menggunakan peruntukan wilayah berdasarkan kelulusan kertas cadangan BOM bagi pelaksanaan oleh Ibu Pejabat dan Pejabat Wilayah MPC masing-masing.

## 6.0 IMPAK/ FAEDAH

6.1 Jangkaan impak dari program ini adalah:

1) Menjana kecemerlangan organisasi melalui pendekatan kreativiti, inovasi dan penciptaan nilai (*value creation*).
2) Mempromosikan budaya inovasi bagi peningkatan kemahiran dan produktiviti di peringkat organisasi.
3) Membina modal insan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi.

## 7.0 ANGGARAN KOS DAN PERUNTUKAN PROGRAM

7.1 Menggunakan Peruntukan Mengurus di bawah Program Khas Konvensyen MTEx Ibu Pejabat dan Pejabat Wilayah MPC masing-masing dengan merujuk kepada kelulusan Kertas cadangan BOM yang terdahulu seperti di bawah:

| Tarikh Kelulusan BOM | Ibu Pejabat / Pejabat Wilayah | Bil Keratan Minit Kelulusan BOM | Peruntukan dipohon (RM) |
|---|---|---|---|
| 30 Mac 2021 | Wilayah Sarawak | 356/2021 | 5,550.00 |
| 12 April 2021 | Wilayah Pantai Timur | 412/2021 | 5,550.00 |
| 12 April 2021 | Wilayah Utara | 421/2021 | 13,300.00 |
| 26 April 2021 | Wilayah Selatan | 464/2021 | 7,800.00 |
| 4 Mei 2021 | Wilayah Sabah | 486/2021 | 6,111.00 |
| 10 Mei 2021 | Ibu Pejabat MPC | 531/2021 | 7,395.00 |

## 8.0 SYOR

Lembaga Pengurusan MPC adalah dipohon untuk mengambil maklum tentang cadangan perubahan mekanisme pelaksanaan program Mini Team Excellence Innovation Showcase **(**MTEx) 2021 Ibu Pejabat dan Pejabat Wilayah MPC.

| Disediakan oleh: | Disemak oleh: |
| --- | --- |
| .................................. | .................................. |
| Nor Idayuniza Rahmat | Roziana Othman |
| Pengurus | Pengarah |
| 8 Jun 2021 | 10 Jun 2021 |

**LAMPIRAN 1**

**TENTATIF PROGRAM**

***MINI TEAM EXCELLENCE INNOVATION SHOWCASE* (MTEx) 2021**

**PERINGKAT IBU PEJABAT DAN PEJABAT WILAYAH MPC**

**PLATFORM WEBINAR DAN MS TEAM**

**TARIKH: 1 JULAI 2021 (KHAMIS)**

| MASA | AGENDA |
|---|---|
| 8.30 pagi | Peserta dan Panel Mendaftar Masuk Webinar |
| 9.00 pagi | Ucapan Perasmian<br>Datin Zainon Bakar<br>Timbalan Ketua Pengarah<br>Bahagian Pembangunan Kecemerlangan Organisasi (OED)<br>Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) |
| 9.30 pagi | Persembahan Kumpulan mengikut stream<br>• Stream A, B, C (MPC Wilayah Selatan – 25 kumpulan)<br>• Stream D (MPC Wilayah Utara – 12 kumpulan)<br>• Stream E (MPC Wilayah Pantai Timur – 10 kumpulan)<br>• Stream F (MPC Wilayah Sarawak – 10 kumpulan)<br>• Stream G (MPC Wilayah Sabah - 10 kumpulan)<br>• Stremm H (MPC Ibu Pejabat – 10 kumpulan) |
| 11.00 pagi | Minum Pagi |
| 11.15 pagi | Persembahan Kumpulan |
| 1.00 tengahari | Makan Tengahari |
| 2.15 tengahari | Persembahan Kumpulan |
| 4.30 petang | Ulasan oleh Panel Penilai Stream |
| 5.00 petang | Minum Petang dan Program Tamat |